

## KEKANGAN GURU PENDIDIKAN ISLAM DALAM ASPEK PERSEDIAAN PENGAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN BIDANG AL-QURAN

### [OBSTACLES OF ISLAMIC EDUCATION TEACHERS IN THE ASPECT OF TEACHING AND LEARNING PREPARATION IN THE FIELD OF THE QURAN]

MUHAMMAD AZIM OTHMAN<sup>1\*</sup> & MOHD ISA HAMZAH<sup>1</sup>

<sup>1\*</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.  
Corespondent Email: isa\_hamzah@ukm.edu.my

---

Received: 05 November 2024

Accepted: 28 December 2024

Published: 06 January 2025

---

**Abstrak:** Pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan oleh guru di sekolah merangkumi empat fasa utama iaitu perancangan, pelaksanaan, refleksi dan tindakan susulan. Fasa perancangan adalah fasa yang kritikal di mana guru mesti melakukan persediaan bagi memastikan objektif pengajaran dan pembelajaran tercapai serta memudahkan proses perancangan dan pembelajaran. Namun begitu, guru seringkali menghadapi pelbagai kekangan semasa melaksanakan persediaan pengajaran dan pembelajaran. Maka dengan itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji sejauh mana aras tahap pengetahuan, kekangan, implikasi halangan serta cadangan penyelesaian Guru Pendidikan Islam (GPI) bagi aspek persediaan pengajaran bidang al-Quran subjek Pendidikan Islam. Reka bentuk kajian yang dijalankan oleh penyelidik adalah kualitatif. Seramai 3 orang GPI di daerah Telupid/Tongod telah dipilih sebagai responden dalam kajian ini. Kaedah temu bual secara mendalam, pemerhatian dan analisis dokumen merupakan metodologi yang digunakan pengkaji dalam mencapai objektif utama kajian. Analisis data kajian ini berdasarkan tematik serta menggunakan perisian Atlas.ti. Implikasi kajian ini diharapkan dapat memberikan panduan kepada GPI dalam mengatasi kekangan yang wujud semasa persediaan pengajaran dalam bidang al-Quran menerusi cadangan penyelesaian seterusnya membantu GPI melakukan persediaan rapi pengajaran pada fasa perancangan agar ilmu yang disampaikan kepada pelajar mudah difahami.

**Kata Kunci:** Kekangan, Guru Pendidikan Islam, Persediaan Pengajaran, al-Quran.

**Abstract:** Teaching and learning carried out by teachers at school includes four main phases, namely planning, implementation, reflection and follow-up. The planning phase is a critical phase where teachers must prepare to ensure that the teaching and learning objectives are achieved and facilitate the planning and learning process. However, teachers often face various constraints when implementing teaching and learning preparations. Therefore, this study was conducted to examine the extent to which the basic level of knowledge, constraints, implications of obstacles as well as suggestions for solutions by Islamic Education Teachers (GPI) for the preparation aspect of teaching the Qur'an in the subject of Islamic Education. The research design conducted by the researcher is qualitative. A total of 3 Islamic Education Teachers in the Telupid/Tongod district were selected as respondents in this study. In-depth interview methods, observation and document analysis are the methodologies used by the researcher in achieving the main objective of the study. Data analysis of this study is based on thematic and uses Atlas.ti software. The implications of this study are expected to provide guidance to Islamic Education Teachers in overcoming the constraints that exist during teaching preparation in the field of al-Quran

through proposed solutions and subsequently help GPI conduct thorough teaching preparation in the planning phase so that the knowledge conveyed to students is easy to understand.

**Keywords:** Obstacles, Islamic Education Teacher, Teaching Preparation, al-Quran.

**Cite This Article:**

Muhammad Azim Othman & Mohd Isa Hamzah. (2025). Kekangan Guru Pendidikan Islam Dalam Aspek Persediaan Pengajaran Dan Pemudahcaraan Bidang Al-Quran [Obstacles Of Islamic Education Teachers In The Aspect Of Teaching And Learning Preparation In The Field Of The Quran]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 5(1), 1-14.

## PENGENALAN

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPM) 2013-2025 merupakan salah satu langkah proaktif Kementerian Pendidikan Malaysia dalam memastikan kecemerlangan sistem pendidikan di Malaysia. Fokus utama dalam pelan ini juga berkait rapat melahirkan modal insan yang mampu meneruskan kesinambungan profesion keguruan melalui latihan perguruan di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dan universiti awam (UA) yang lain. Penghasilan produk guru yang berkualiti di kedua-dua institusi tersebut dilihat mampu meningkatkan mutu proses proses pengajaran dan pemudahcaraan(PdPc) dalam bilik darjah. Proses PdPc atau ta'lim antara tugas utama dan sinonim bagi setiap individu bergelar guru dan mua'llim di mana-mana sekolah baik kerajaan maupun sebaliknya (Ab. Halim Tamuri & Khairul Azman Ajuhary, 2010).

Guru Pendidikan Islam (GPI) baik di sekolah rendah maupun menengah telah dipertanggungjawabkan untuk mengajar subjek pendidikan Islam dan seumpama dengannya seperti subjek Tasawwur, dan pendidikan Syariah Islamiyah. Subjek pendidikan Islam di sekolah rendah merangkumi tujuh bidang utama. Misalnya, bidang al-Quran, hadis, akidah, ibadah, sirah, adab dan jawi. Namun begitu, terdapat pelbagai kekangan yang dihadapi oleh GPI dalam melaksanakan persediaan pengajaran bidang al-Quran di sekolah rendah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Lantaran itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sejauh manakah kekangan GPI dalam melaksanakan persediaan pengajaran bidang al-Quran.

Umum mengetahui bahawa setiap guru yang menjalankan proses PdPC hendaklah melaksanakan persediaan awal sebelum mengajar. Oleh itu, guru novis GPI mestilah melaksanakan persediaan pengajaran dengan merancang aktiviti PdPC serta menyediakan bahan bantu mengajar (BBM) yang bersesuaian dan dapat menarik minat murid (Abdul Halim & Nor Mashitah, 2015). Oleh itu, persediaan mengajar ini secara tidak langsung dapat meningkat penguasaan dan pemahaman guru novis terhadap proses PdPc dalam bilik darjah seterusnya memastikan objektif pembelajaran yang dirancang dalam rancangan pengajaran harian (RPH) tercapai pada akhir pengajaran.

Tambahan pula, penyediaan RPH oleh GPI merupakan salah satu aspek dalam persediaan pengajaran. Cigdem Sahim Taski (2017) menyatakan bahawa keberkesanan proses PdPc oleh guru dalam bilik darjah dipengaruhi oleh penyediaan RPH sebelum proses mengajar. Selain itu, fokus murid terhadap topik pembelajaran dapat dimaksimumkan dengan penggunaan

BBM oleh guru dalam bilik darjah. Maka, penyediaan BBM yang berfungsi dengan baik adalah sebahagian daripada persediaan pengajaran. Justeru itu, penyediaan serta perancangan RPH dan BBM sebelum menjalankan PdPc dapat membantu guru dalam menyampaikan isi dan topik pelajaran dengan lebih tepat dan mudah difahami oleh murid-murid di samping mencapai objektif pembelajaran yang ditetapkan.

Di samping itu, menurut Zahiah Haris & Mustapha Kamal (2011) menjelaskan persediaan mengajar yang lengkap ialah membuat persediaan yang awal, sensitif kepada perbezaan individu dari segi keupayaan kognitif am iaitu kecerdikan, menyelami masalah yang dihadapi oleh pelajar dengan bahan pengajaran, berusaha mengetahui masalah yang akan muncul, bersedia mempermudahkan pelajar memahami definisi baru dengan memberi pelbagai contoh untuk menjelaskan contoh, menyusun pelajaran dalam susunan yang baik dan logik, merancang dengan mempelbagaikan aktiviti pengajaran agar pelajar lebih mudah untuk memahami isi pelajaran dan yang paling penting memulakan pengajaran dengan set induksi yang berkait dengan tajuk pelajaran dan menarik minat pelajar. Justeru, guru hendaklah melaksanakan persediaan mengajar yang bersesuaian dengan latar belakang pelajar yang pelbagai misalnya pelajar yang aktif akan sentiasa memberi respon dan kerjasama terhadap PdPc oleh guru sedangkan pelajar yang pasif bertindak di sebaliknya.

Oleh itu, persediaan mengajar amatlah signifikan bagi guru sebelum menjalankan PdPc dalam bilik darjah khusus bagi subjek Pendidikan Islam. Hal ini kerana persediaan yang lengkap dan sempurna dapat membantu serta memudahkan guru untuk menyampaikan ilmu kepada murid-murid dengan mudah, tepat dan berkesan seterusnya menepati hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan(FPK) untuk melahirkan modal insan yang kamil dari sudut jasmani, emosi, rohani, intelektual dan sahsiah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Secara holistiknya, guru seharusnya mempunyai kesedaran tinggi bahawa persediaan mengajar merupakan sebahagian daripada tugas hakiki insan yang bergelar guru. Seterusnya, terdapat empat objektif utama kajian ini dijalankan:

1. Mengetahui asas tahap pengetahuan GPI bagi persediaan proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPC) Pendidikan Islam bidang al-Quran di bilik darjah.
2. Mengenalpastikekangan yang dihadapi GPI dalam aspek persediaan pengajaran dan pemudahcaraan (PdPC) Pendidikan Islam bidang al-Quran.
3. Menganalisis kesan kekangan GPI dalam aspek persediaan terhadap proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPC) Pendidikan Islam bidang al-Quran dalam bilik darjah.

## **KAJIAN LITERATUR**

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Norashid dan Hamzah (2014), tugas utama guru adalah mengajar murid-murid sama ada dalam bilik darjah atau luar bilik darjah namun guru telah dibebankan dengan tugas bukan akademik iaitu pengurusan pentadbiran, hal ehwal murid serta pengurusan kurikulum. Kesannya, guru hilang fokus dalam melaksanakan tugas utamanya sehingga proses pengajaran dan pembelajaran(PdP) gagal mencapai objektif pembelajaran kerana kelemahan dari sudut persediaan pengajaran yang sempurna.

Tambahan pula, kajian Abdull Sukor, Abd. Rahim dan Mohamad Yazi (2006) menerangkan bahawa lambakan tugas guru ini bukan sahaja memberi kesan kepada perlakuan mengajar malah boleh memberi tekanan dan menjelaskan tahap kepuasan kerja guru. Misalnya, tugas bukan akademik yang perlu dilaksanakan oleh guru adalah mencatat kedatangan murid, menyelia dan mencatat rekod Rancangan Makanan Tambahan (RMT), menjalankan aktiviti kokurikulum, mengemas kini rekod profil murid, memastikan kebersihan dan keceriaan kelas. Terbuktilah, lambakan tugas guru bagi tugas bukan akademik secara tidak langsung akan menjelaskan prestasi PdP khusus pada peringkat persediaan mengajar.

Selain itu, penggunaan teknologi seperti aplikasi Class Dojo, Kahoot dan Quiziz dalam arena pendidikan bagi proses PdP sebagai alat bantu mengajar dapat membantu guru untuk mengajar dengan berkesan. Walaubagaimanapun, perubahan teknologi dengan pantas menyebabkan kebanyakan guru Pendidikan Islam (GPI) kurang berminat menerokanya kerana mengambil tempoh masa yang tertentu menurut (Kamarul Azmi, Mohd Faez, Ab. Halim Tamuri dan Mohd Izham, 2011). Justeru, masa merupakan punca kepada halangan GPI dalam persediaan pengajaran dalam bilik darjah.

Guru juga mempunyai masalah kebolehpercayaan terhadap kemampuan kendiri dalam menggunakan teknologi dalam pendidikan (Siti Hajar, 2013). Hal ini disokong oleh kajian Nooriza dan Effandi (2014) yang turut menemui permasalahan yang sama di mana guru lemah dalam membina item soalan penilaian murid-murid yang mempunyai unsur Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Oleh itu, kepercayaan terhadap diri sendiri atau efikasi kendiri antara halangan yang wujud dalam aspek persediaan pengajaran di mana dapat memberi kesan sama ada postif ataupun negatif kepada pelaksanaan proses mengajar oleh guru.

Penggunaan ruang pembelajaran yang kondusif bagi proses PdP amatlah wajar sebagaimana penggunaan surau bagi menilai amali solat murid-murid. Kaedah pengajaran yang menarik minat murid hendaklah dilaksanakan di kawasan atau tempat yang bersesuaian agar proses pengajaran dapat disampaikan dengan efektif (Kamarul Azmi & Noor Fadhlina, 2012). Maka, infrastruktur atau kemudahan di sekolah memainkan peranan utama dalam menentukan kejayaan sesuatu proses PdP.

Akhir sekali, peruntukan masa yang terhad. Guru mempunyai masa yang selang masa yang singkat bagi persediaan kelas yang seterusnya. Hal ini menghalang guru melakukan persediaan yang rapi sebelum proses PdPc. Situasi ini menyebabkan kualiti pengajaran guru berkurang dan berkemungkinan gagal mencapai objektif pembelajaran yang ditetapkan.

## METODOLOGI KAJIAN

Ghazali Darusalam & Sufean Hussin (2018) menyatakan reka bentuk kajian adalah perancangan khas bagi suatu kaedah dan prosedur untuk mengumpul dan menganalisis data. Maka, pengkaji telah memilih pendekatan kualitatif kerana dapat mengetahui dan mengumpul maklumat daripada responden secara mendalam. Ini disokong oleh Creswell (2013) menjelaskan bahawa pendekatan kualitatif dapat membantu pengkaji memperoleh maklumat dengan lebih mendalam tentang makna dan pengalaman individu dalam konteks individu. Oleh itu, penggunaan pendekatan ini diharapkan dapat membantu pengkaji dalam mengenal pasti

sejauh manakah kekangan yang dihadapi GPI dalam aspek persediaan pengajaran dan pemudahcaraan bidang al-Quran.

Tambahan pula, pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif dalam melengkapkan kajian ini. Hal ini kerana penggunaan pendekatan ini dapat membantu pengkaji meneroka fenomena yang kompleks seperti bentuk-bentuk kekangan dan kesan yang dihadapi GPI dalam aspek persediaan pengajaran dalam bidang al-Quran. Pendekatan seumpama ini juga meningkatkan kemampuan pengkaji mendapatkan data dan maklumat kajian yang lebih terperinci dari pelbagai sudut pandang (Patton, 1990). Interaksi secara bersemuka antara pengkaji dan responden yang terdapat dalam pendekatan ini dapat membantu pengkaji memahami bentuk kekangan yang dihadapi GPI dalam aspek persediaan sebelum proses PdPc dijalalankan dalam bilik darjah.

Di samping itu, pemilihan sampel bagi kajian ini hanya melibatkan tiga orang GPI di daerah Telupid/Tongod sahaja. Dalam pemilihan responden, pengkaji telah menetapkan kriteria bahawa GPI yang dipilih mestilah berkhidmat di sekolah rendah, kategori sekolah tersebut mestilah dikategorikan pedalaman 1, 2 ataupun 3, serta mempunyai pengalaman mengajar sekurang-kurangnya tiga tahun dan ke atas. Jelaslah bahawa kajian ini hanya menumpukan kepada sebilangan kecil responden berdasarkan pemilihan sampel yang telah menepati kriteria ditetapkan oleh pengkaji. Ini selari dengan Merriam dan Tisdell (2016) yang menerangkan bahawa data dan maklumat yang kaya serta bermakna hanya dapat diperolehi daripada saiz sampel yang kecil dalam kajian kualitatif.

Selain itu, pengkaji telah menetapkan instrumen utama dalam kajian ini adalah temubual, analisis dokumen dan pemerhatian. Temubual semi-berstruktur digunakan oleh pengkaji semasa sesi temu bual bersama-sama tiga orang responden. Penggunaan temubual seperti ini dapat memberi ruang dan fleksibiliti kepada pengkaji untuk mengemukakan soalan-soalan tambahan yang lain seterusnya membolehkan maklumat dan data yang dikongsikan oleh responden lebih mendalam dan mempunyai variasi jawapan. Analisis dokumen dan pemerhatian turut digunakan pengkaji dalam mencapai objektif kajian. Creswell (2013) menjelaskan bahawa analisis dokumen dan pemerhatian dalam kajian kualitatif dapat menyokong maklumat dan data yang diperolehi daripada hasil temubual responden. Secara ringkasnya, penggunaan instrumen temubual, pemerhatian dan analisis dokumen dapat membantu pengkaji memperolehi maklumat dan data dengan lebih meluas dan mendalam.

Seterusnya, pengkaji turut menggunakan perisian Atlas.ti dalam menganalisis data secara sistematis dan teratur. Pendekatan tematik telah digunakan pengkaji dalam mengenalpasti tema-tema dan pola berdasarkan hasil temubual, pemerhatian dan analisis dokumen. Langkah digunakan pengkaji ini disokong oleh Braun dan Clarke (2006) yang menyatakan analisis tematik dalam kajian kualitatif amatlah bersesuaian dan dapat menghasilkan informasi yang lebih sistematik serta mudah dihadam oleh pembaca.

Dalam menjamin kesahan dan kebolehpercayaan kajian ini, pengkaji telah menggunakan dua langkah utama. Langkah yang pertama adalah triangulasi di mana maklumat daripada hasil temubual akan digabungkan dan disokong dengan pemerhatian serta analisis dokumen oleh pengkaji. Pengkaji turut menggunakan teknik member-checking. Melalui teknik ini hasil temubual yang direkod akan dikongsi semula bersama-sama responden. Ini bertujuan memastikan maklumat dan data yang diberikan responden adalah benar dan tepat. Ini disokong

oleh Phil Coleman (2019) yang menyatakan rakaman perbualan adalah pertimbangan yang penting dalam mendapatkan data yang lebih sahih untuk memperoleh data kajian.

Kesimpulannya, pengkaji telah menggunakan metodologi yang bersesuaian dalam kajian ini iaitu melalui pendekatan kualitatif. Melalui pendekatan ini, data dan maklumat yang dikumpul dan diperoleh hasil daripada temubual responden, pemerhatian dan analisis dokumen akan dianalisis secara bertema. Sesungguhnya, maklumat dan data yang diperolehi oleh pengkaji ini berkenaan kekangan GPI dalam persediaan pengajaran dan pemudahcaraan bidang al-Quran amatlah mendalam dan terperinci..

## DAPATAN KAJIAN

### **Asas Pengetahuan Guru Pendidikan Islam Dalam Aspek Persediaan Pengajaran dan Pemudahcaraan Pendidikan Islam dalam Bidang al-Quran**

Hasil daripada temubual responden, pengkaji mendapati beberapa dapatan yang relevan dengan objektif kajian pertama iaitu asas pengetahuan guru pendidikan Islam (GPI) dalam persediaan pengajaran dan pemudahcaraan bidang al-Quran. Terdapat tiga sub-tema melalui tema asas pengetahuan GPI dalam persediaan PdPc antaranya pengetahuan pedagogi umum, pengetahuan kandungan subjek dan pengetahuan kandungan pedagogi.

Sub-tema pengetahuan pedagogi umum menfokuskan kepada asas pengetahuan GPI dalam kaedah, teknik dan bagaimana guru pendidikan Islam khususnya mengajar murid dalam bidang al-Quran.

“... saya sering menggunakan kaedah tradisional seperti talaqqi musyafahah dan tasmi’ dalam mengajar murid-murid membaca al-Quran dalam bilik darjah ...”

R1

“Kaedah tikrar dan tadarus antara kaedah saya selalu gunakan bagi memudahkan saya membimbing murid-murid yang lemah al-Quran ...”

R2

Di samping itu, pengetahuan kandungan subjek sewajarnya dikuasai GPI dalam memastikan objektif pengajaran dan pembelajaran bidang al-Quran tercapai dalam kelas.

“Dalam mengajar bidang al-Quran sekolah rendah, saya telah membaca semula isi kandung subjek dalam DSKP dan buku teks sekolah. Ini bagi memastikan saya menguasi topik tersebut sebelum mengajar murid-murid ...”

R3

“... saya mempunyai penguasaan disiplin ilmu yang tinggi khususnya berkaitan dengan pengetahuan kandungan bidang al-Quran yang terdapat dalam KSSR ...”

R2

Akhir sekali, GPI mestilah mempunyai pengetahuan kandungan pedagogi yang sempurna dan terbaik. Ini bertujuan memastikan keberkesanan proses PdPc dalam bilik darjah di samping meningkatkan penguasaan murid dalam topik yang diajar oleh GPI.

“... saya dapat menggabungkan pengetahuan kandungan dan pedagogi bidang al-Quran dengan baik melalui aplikasi teknik mengajar yang bersesuaian dengan topik pembelajaran sama ada dalam bentuk hafazan, tajwid mahupun bacaan al-Quran ...”

R1

“... murid-murid saya amat gembira apabila saya dapat menjalankan pengajaran bidang al-Quran berbantuan teknologi seperti penggunaan laptop, aplikasi permainan dalam talian dan lain-lain ...”

R3

### **Kekangan Guru Pendidikan Islam Dalam Aspek Persediaan Pengajaran dan Pemudahcaraan Pendidikan Islam dalam Bidang al-Quran**

Terdapat beberapa kekangan utama guru pendidikan Islam dalam aspek persediaan pengajaran dan pemudahcaraan bidang al-Quran di sekolah (Abdul Rahman & Abdul Rahim, 2018; Fauziah, 2020; Ismail, 2018; Mardhiah & Zainurin, 2020; Rahimi & Arshad, 2016). Dapatan temubual bersama-sama tiga orang responden mendapati sub-tema bebanan tugas pentadbiran dan bukan pentadbiran, kurangnya latihan dan kursus, infrstruktur dan kemudahan di sekolah yang kurang lengkap serta ketiadaan bahan bantu mengajar (BBM) yang bersesuaian dengan topik pembelajaran mempengaruhi persediaan GPI dalam pengajaran bidang al-Quran di sekolah.

Kekangan pertama adalah bebanan tugas pentadbiran dan bukan pentadbiran yang tinggi. Ini dapat dilihat melalui jawatan-jawatan lain yang disandang oleh guru pendidikan Islam sehingga menjaskan persediaan pengajaran bidang al-Quran khususnya.

“... saya mempunyai masa yang singkat untuk melakukan persediaan pengajaran dalam bidang al-Quran kerana perlu fokus kepada tugas-tugas kerja yang lain seperti melatih murid sukan ...”

R1

“... tugas saya sebagai guru aset dan bendahari PIBG turut menjaskan masa persediaan saya sebelum proses mengajar dalam bilik darjah khususnya topik berkaitan bidang al-Quran seperti hafazan dan tajwid ...”

R3

Kekangan kedua adalah kurangnya latihan dan kursus bagi guru pendidikan Islam. GPI yang berkhidmat di pedalaman dilihat tidak mempunyai akses kepada kursus dan latihan pengajaran dalam bidang al-Quran. Hal ini menyebabkan proses pengajaran yang dijalankan oleh GPI kurang efektif dan murid gagal memahami topik pembelajaran yang diajar guru dalam

bilik darjah.

“... saya tidak boleh menghadiri latihan dalam bidang al-Quran bagi meningkatkan kemahiran saya kerana sekolah saya yang jauh di pedalaman dan tiada akses internet ...”

R2

“... ketiadaan internet dan talian telefon di sekolah menyukarkan saya untuk meningkatkan penguasaan dalam persediaan pengajaran bidang al-Quran melalui kursus dalam talian yang dianjurkan KPM ataupun atas inisiatif sendiri ...”

R3

Kekangan ketiga adalah kelengkapan infrastruktur dan kemudahan yang kurang lengkap turut menjelaskan persediaan guru pendidikan Islam dalam pengajaran bidang al-Quran. Situasi ini menyebabkan fokus guru dalam melaksanakan persediaan pengajaran bidang al-Quran terganggu seterusnya turut mempengaruhi objektif pembelajaran dalam bilik darjah.

“... ketiadaan kelas atau bilik agama yang khusus di sekolah rendah di pedalaman menyebabkan saya mengajar dua orang murid saya di bilik guru ...”

R1

“... kemudahan internet di sekolah pedalaman amat mengecewakan saya. Ini menyebabkan saya tidak boleh melakukan persediaan pengajaran bidang al-Quran dengan baik seperti memuat turun video pengajaran al-Quran yang bersesuaian dengan topik pembelajaran saya ...”

R2

Akhir sekali, dapatan kajian pengkaji mendapati bahawa kekangan GPI dalam aspek persediaan pengajaran dan pemudahcaraan dalam bidang al-Quran adalah kurangnya sumber pengajaran dan bahan bantu mengajar (BBM) yang berkualiti. Penggunaan buku teks dan BBM yang efektif dan berkualiti amatlah terhad bagi GPI yang berkhidmat di sekolah pedalaman. Hal yang demikian menyebabkan pengalaman pembelajaran bagi murid dalam bilik darjah menjadi kurang menarik dan berkesan.

“... saya di sekolah pedalaman hanya bergantung kepada penggunaan buku teks sahaja sebagai bahan bantu mengajar yang utama ...”

R2

“... penggunaan aplikasi permainan dalam talian seperti Kahoot dan Quiziz tidak dapat digunakan kerana ketiadaan capaian internet di sekolah saya dan saya hanya melakukan aktiviti dan permainan secara *hands on* ...”

R3

## Kesan Kekangan Guru Pendidikan Islam Dalam Aspek Persediaan Terhadap Proses Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPC) Pendidikan Islam Bidang al-Quran

Melalui temubual bersama-sama responden, pengkaji mendapati bahawa terdapat kesan akibat kekangan guru pendidikan Islam (GPI) dalam aspek persediaan pengajaran dan pemudahcaraan pendidikan Islam bidang al-Quran. Antara kesan utama adalah pencapaian murid dalam bidang al-Quran semakin rendah.

“... saya mendapati penguasaan murid dalam bidang al-Quran melalui hafazan semakin rendah. Hanya sebilangan kecil murid yang dapat menyempurnakan hafazan berdasarkan silibus KSSR ...”

R1

“... saya perhati murid amat lemah dalam bidang al-Quran khususnya tajwid. Kalau lihat pada kuiz yang lepas hanya 3 daripada 8 orang berjaya menjawab soalan kuiz tajwid dengan betul ...”

R2

Kesan yang kedua adalah motivasi guru dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran semakin berkurang. Hal ini kerana guru berada dalam keadaan yang selesa khususnya di sekolah pedalaman. Situasi ini menyebabkan guru mengekalkan kaedah pengajaran yang sama pada setiap sesi pengajaran dan pembelajaran.

“... saya kurang masa dalam persediaan pengajaran dan pembelajaran. Jadinya saya lebih cenderung kepada penggunaan *chalk and talk* dalam bilik darjah serta pembelajaran satu hala yang berpusatkan guru...”

R2

“... saya perhati murid amat lemah dalam bidang al-Quran khususnya tajwid. Kalau lihat pada kuiz yang lepas hanya 3 daripada 8 orang berjaya menjawab soalan kuiz tajwid dengan betul ...”

R3

Kesan yang ketiga adalah objektif pembelajaran yang gagal dicapai dalam bilik darjah. Hal ini kerana kekurangan persediaan pengajaran dalam bidang al-Quran menyebabkan GPI sukar mencapai keseluruhan objektif pembelajaran yang ditulis dalam Rancangan Pengajaran Harian (RPH).

“... masa yang terhad dalam persediaan pengajaran akibat beban tugas pentadbiran menyebabkan saya sukar mencapai objektif pembelajaran dalam bilik darjah ...”

R1

“... saya hanya dapat melengkapakn sebahagian objektif pembelajaran dalam bilik darjah kerana kurangnya latihan dan kursus berkaitan aspek persediaan pengajaran dalam bidang al-Quran ...”

R3

## **PERBINCANGAN**

Kajian ini mendapat terdapat tiga tema utama bagi kekangan guru pendidikan Islam (GPI) dalam aspek persediaan pengajaran dan pemudahcaraan bidang al-Quran. Tema pertama yang dikaji adalah dengan melihat sejauh manakah asas pengetahuan GPI dalam aspek persediaan pengajaran dan pemudahcaraan bidang al-Quran. Menurut Razila et.al (2019), persediaan pengajaran amatlah penting dalam memastikah keberkesanan proses pengajaran dalam bilik darjah. Oleh itu, setiap GPI sewajarnya menguasai aspek persediaan pengajaran sebagai usaha meningkatkan kualiti pengajaran dari semasa ke semasa.

Sub-tema asas pengetahuan GPI dalam aspek persediaan pengajaran dan pemudahcaraan bidang al-Quran adalah pengetahuan pedagogi umum, pengetahuan kandungan subjek dan pengetahuan kandungan pedagogi. Dalam aspek pengetahuan pedagogi umum, GPI mestilah melengkapkan diri dengan memahami teori pembelajaran, kemahiran pengurusan bilik darjah dan strategi pengajaran dalam bidang al-Quran (Ahmad Taufik, Norizan, & Mohd Burhan, 2019). Ini penting kerana GPI akan menjalankan proses pengajaran bersama-sama murid dalam bilik darjah. Maka, kaedah, dan teknik pengajaran yang bersesuaian dalam bidang al-Quran seperti talaqqi musyafahah, tikrar, tasmi' dan lain-lain mestilah dikuasai oleh GPI secara keseluruhannya.

Selain itu, pengetahuan kandungan subjek antara elemen yang wajar difahami dan dikuasai oleh GPI. Ini kerana dalam bidang al-Quran bagi kurikulum sekolah rendah subjek pendidikan Islam, terdapat empat tema kecil yang perlu dikuasai oleh murid iaitu bacaan, tajwid, hafazan dan kefahaman ayat al-Quran. Bagi pengetahuan kandungan pedagogi, GPI mestilah menguasai strategi, kaedah dan teknik menyampaikan kandungan bidang al-Quran sesuai dengan keperluan murid (Azarul Razamin et. al, 2019). Hal yang demikian penting kerana setiap murid mempunyai aras pembelajaran yang berbeza. Justeru itu, GPI sewajarnya menguasai kaedah pengajaran dan pembelajaran terbeza supaya objektif dan matlamat pembelajaran dapat dicapai dalam bilik darjah.

Secara keseluruhannya, aspek pengetahuan pedagogi umum, pengetahuan kandungan subjek, dan pengetahuan kandungan pedagogi adalah tiga komponen penting yang perlu digabungkan untuk mencapai pengajaran yang berkesan oleh GPI khususnya dalam pengajaran bidang al-Quran. Tambahan pula, pengetahuan pedagogi umum dapat memberikan GPI kefahaman tentang teori dan amalan pengajaran, pengetahuan kandungan subjek memberikan mereka pengetahuan mendalam tentang bidang al-Quran, manakala pengetahuan kandungan pedagogi membantu guru menyampaikan kandungan tersebut dengan cara yang mudah difahami oleh pelajar. Gabungan ketiga-tiga elemen ini membolehkan GPI menjadi lebih efektif dalam membantu pelajar memahami bidang al-Quran dengan holistik dalam bilik darjah.

Di samping itu, bagi tema kekangan GPI dalam aspek persediaan pengajaran dan pemudahcaraan bidang al-Quran, terdapat empat sub-tema yang menjadi tumpuan iaitu bebanan

tugas pentadbiran dan bukan pentadbiran, kurangnya latihan dan kursus, infrstruktur dan kemudahan di sekolah yang kurang lengkap serta ketiadaan bahan bantu mengajar (BBM) yang bersesuaian. GPI sering dibebankan dengan tugas pentadbiran seperti menjawat jawatan guru aset, guru data, guru pembangunan dan lain-lain. Sementara itu, beban tugas bukan pentadbiran adalah jumlah waktu mengajar yang tinggi sehingga 40 waktu dan melatih murid dalam aktiviti sukan dan permainan. Kedua-dua bebanan tugas yang dipertanggungjawabkan kepada GPI ini secara tidak langsung membataskan mereka daripada melaksanakan persediaan pengajaran dan pemudahcaraan bidang al-Quran. Ini turut disokong oleh Fauziah (2020) yang menyatakan bahawa guru hilang fokus terhadap persediaan pengajaran apabila memikul tugas selain daripada pengajaran.

Seterusnya, kekurangan latihan dan kursus khususnya bidang al-Quran adalah masalah yang sering dihadapi oleh GPI di kawasan pedalaman. Latihan dan kursus yang relevan dan berterusan sangat penting bagi GPI untuk memperbaharui pengetahuan dan meningkatkan kemahiran pedagogi mereka (Razila et.al, 2019). Malangnya, GPI yang berkhidmat di kawasan yang jauh atau pedalaman sering kali tidak mempunyai akses yang mudah untuk menghadiri kursus atau latihan tersebut, terutamanya apabila faktor geografi, kekurangan fasiliti, dan masalah logistik menjadi penghalang.

Tambahan pula, sub-tema ketiga iaitu infrastruktur yang tidak lengkap di sekolah-sekolah luar bandar mahupun pedalaman antara masalah utama yang sering dihadapi oleh GPI. Tanpa kemudahan bilik darjah atau kelas yang sesuai, guru amat sukar untuk menyediakan persekitaran pembelajaran yang efektif. Menurut Mohd Ismail (2018), kekurangan kemudahan seperti bilik agama, kemudahan peranti teknologi seperti komputer dan laptop, talian internet, serta bahan pengajaran turut menghalang GPI daripada menyampaikan pengajaran dengan berkesan. Akhir sekali, sub-tema yang keempat adalah bahan bantu mengajar (BBM) yang berfungsi sebagai salah satu komponen penting dalam pengajaran. BBM yang baik dan sempurna dapat membantu GPI untuk menjelaskan konsep-konsep yang lebih abstrak dengan cara yang lebih mudah difahami oleh pelajar (Fauziah (2020). Misalnya, penggunaan kitab al-Quran dalam mendalami ilmu tajwid oleh guru dan murid antara contoh keperluan BBM yang wajar diberi perhatian oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Kekurangan BBM yang berkualiti adalah masalah yang kritikal terutamanya di sekolah-sekolah pedalaman. Tanpa bahan bantu mengajar yang mencukupi, pengajaran menjadi lebih sukar dan kurang menarik seterusnya menjaskas pencapaian pelajar dalam subjek pendidikan Islam.

Tema yang ketiga yang dikaji pengkaji adalah kesan kekangan GPI dalam aspek persediaan pengajaran dan pemudahcaraan bidang al-Quran. Terdapat tiga sub-tema yang dibincangkan iaitu pencapaian murid yang lemah dalam bidang al-Quran, motivasi GPI yang semakin berkurang dan kegagalan mencapai objektif pembelajaran. Dalam sub-tema pencapaian murid dalam bidang al-Quran didapati lemah kerana kurangnya persediaan pengajaran oleh GPI sebelum memulakan proses pengajaran. Ini disokong oleh kajian Zaid, Saipolbahrin, dan Salmiza (2024) yang turut menjelaskan bahawa kekurangan persediaan yang mencukupi oleh GPI menyebabkan murid mengalami kesukaran dalam menguasai kemahiran al-Quran, termasuk hafazan dan tajwid.

Motivasi GPI yang kian berkurang antara kesan kekangan persediaan dalam pengajaran bidang al-Quran. Hal ini berlaku kerana beban tugas pentadbiran dan kekurangan masa

(Shulman, 1987). Maka, GPI cenderung menggunakan kaedah pengajaran tradisional seperti chalk and talk tanpa mempelbagaikan teknik dan kaedah pengajaran lain. Situasi ini lebih ketara di sekolah pedalaman, di mana guru semakin selesa dengan pendekatan sedia ada. Akhir sekali, sub-tema yang ketiga adalah GPI gagal mencapai objektif pembelajaran dalam bilik darjah. Fokus GPI yang kurang terhadap persediaan pengajaran dalam bidang al-Quran kerana kesibukan terhadap tugas pentadbiran dan bukan pentadbiran menyebabkan objektif pembelajaran yang dinyatakan dalam RPH gagal dicapai di akhir pengajaran.

## KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, kajian ini memberikan gambaran menyeluruh tentang kekangan GPI dalam aspek persediaan pengajaran bidang al-Quran di sekolah rendah. Hasil kajian menunjukkan terdapat beberapa kekangan utama GPI dalam persediaan pengajaran al-Quran seperti bebanan tugas pentadbiran dan bukan pentadbiran, kurangnya latihan dan kursus, infrstruktur dan fasiliti di sekolah yang kurang lengkap serta kekurangan bahan bantu mengajar (BBM) yang sempurna dan efektif untuk digunakan dalam bilik darjah. Sementara itu, kesan kekangan yang dihadapi GPI sewajarnya diberi pertimbangan oleh pihak berautoriti seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri serta Pejabat Pendidikan Daerah. Kesan kekangan GPI dalam persediaan pengajaran bidang al-Quran seperti pencapaian murid yang lemah dalam bidang al-Quran, motivasi GPI yang semakin berkurang dan kegagalan mencapai objektif pembelajaran mestilah diatasi dengan kadar yang segera. Hal ini penting bagi memastikan murid memahami isi kandung pengajaran bidang al-Quran baik dari sudut tilawah, hafazan dan kefahaman surah.

## RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary. 2010. Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mua'llim. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(1): 43-56.
- Abdul Halim Masnan & Nor Mashitah Mohd Radzi. 2015. Pengetahuan Persediaan Pengajaran Guru Prasekolah Baru. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 4: 90-108.
- Abdull Sukor Shaari, Abd. Rahim Romle & Mohamad Yazi Kerya. 2006. Beban Tugas Guru Sekolah Rendah. *Seminar Kebangsaan Kepimpinan Dan Pengurusan Sekolah* (pp. 1-12). Seremban.
- Abdul Wahid Abdul Aziz & Mohamad Azli Mohd Nahar. 2019. Kesan Integrasi Al-Quran Dalam Kurikulum Sekolah Rendah Terhadap Kemahiran Membaca Al-Quran Di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Islam*, 6(2): 101-116.
- Ahmad Taufik Abdullah, Norizan Abdul Ghani, & Mohd Burhan Ibrahim. 2019. Faktor-Faktor Penyumbang Kepada Kualiti Pengajaran Al-Quran Dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 4(14): 54-69.
- Azarul Razamin Mat Said, Mustafa Che Omar, Najmiah Omar & Mohd Allnurulhuda Ghazali. 2023. *Pengajaran Al-Quran Di Sekolah Rendah Kementerian Pendidikan Malaysia: Cabaran Dan Harapan*. t.t.p.: t.t.p.

- Braun, V. and Clarke, V. 2006 Using Thematic Analysis In Psychology. *Qualitative Research In Psychology*, 3(2): 77-101.
- Cigdem Sahin-Taskin. 2017. Exploring Pre-service Teachers' Perceptions of Lesson Planning in Primary Education. *Journal of Education and Practice* 8(12): 57-63.
- Cresswell. 2013. *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approache*. Thouusands Oaks. CA: Sage.
- Fauziah Abu Bakar. 2020. The Teaching Of Al-Quran In Malaysian Primary Schools: Challenges And Prospects. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 11(2): 133-146.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. 2018. *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan (Edisi Kedua)*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Grossman, P. 1990. *The Pedagogical Content Knowledge: What Makes it Special?*. *Teaching and Teacher Education*, 6(1): 3-19.
- Kamarul Azmi Jasmi & Noor Fadhlina Nawawi. 2012. Ciri Guru Pendidikan Islam Berkesan. *Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012]* (pp. 203-208). Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Islam*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2017. *Kurikulum Standard Sekolah Rendah*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Merriam, S. B., & Tisdell, E. J. 2016. *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation (4th ed.)*. San Francisco, CA: Jossey Bass.
- Mohd Zaid Ismail, Saipolbahrin Ramli, & Salmiza Abd Rahim. 2024. *Isu Dan Cabaran Dalam Pengajaran Bahasa Arab Dan Hafazan Al-Quran Pendidikan Awal Kanak-Kanak*. *Jurnal al- Sirat*, 24(1): 95-103.
- Mohd Ismail. 2018. Pendidikan Al-Quran Di Sekolah Rendah: Cabaran Dan Prospek. *Jurnal Pendidikan Islam Dan Melayu* 7(2): 59-73.
- Norashid Othman & Hamzah Md.Omar. 2014. Beban Tugas Dan Motivasi Pengajaran Guru Di Sekolah Menengah. *Jurnal Pemikir Pendidikan* 5: 35 -37.
- Nooriza Kassima & Effandi Zakaria. 2014. Integrasi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Matematik: Analisis Keperluan Guru. *Persidangan Serantau Siswazah Pendidikan*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Patton, M. Q. 1990. *Qualitative Evaluation and Research Methods (2nd ed.)*. Newbury Park, CA: Sage Publications, Inc.
- Rabiataladawiyah Saleh & Mohd Nizam Sahad. 2020. Sorotan Literatur Sistematik Isu dan Cabaran Pengajaran al-Quran Murid Berkeperluan Khas. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 2(1): 199-211.
- Razila Kasmin, Mohd Faiz Baharan, Noraizan Mohsin, Norliza Kila, & Mashita Abu Hassan. 2019. Amalan Kualiti Guru Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan. *Journal of Management and Operation Research* 1(4): 1-23.
- Shulman, L. S. 1987. Knowledge and Teaching: Foundations of the New Reform. *Harvard Educational Review* 57(1): 1-22.

Siti Hajar Zakaria. 2013. *Beban Tugas Guru Mempengaruhi Penggunaan Sumber Teknologi Pendidikan Di Empat Buah Sekolah Menengah Teknik Dan Vokasional Di Johor*. Johor: Universiti Tun Hussien Onn Malaysia.

Zahiah Haris @ Harith & Mustapha Kamal Ahmad Kassim. 2011. Pendidikan Islam Kursus Perguruan Lepas Ijazah Di Institut Pendidikan Guru Malaysia: Kaedah Dan Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Yang Berkesan. *Jurnal Kajian Pendidikan* 1(2): 279-294.